

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	09 DECEMBER 2016

'Tindakan kurang matang'

SHAH ALAM – Veteran Umno, Tan Sri Rafidah Aziz menyuarakan rasa kesal apabila undangan terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri majlis istiadat menandatangani surat sumpah Yang di Pertuan Agong pada 13 Disember ini dibatalkan.

“Saya membaca dengan rasa tidak percaya, tetapi malangnya ia berita yang be-

Sinar Harian - 9/12/2016
tul,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Rafidah berkata, alasan yang diberikan kerana tiada kerusi disediakan untuk mereka menunjukkan kececekan kematangan, kehilangan kesopanan dan tiada tamadun.

“Bukankah mereka telah dianugerahkan Darjah Tertinggi Negara oleh Yang di Pertuan Agong? Dan, atas alasan itu sahaja mereka berdua berhak dijemput,” katanya.

Menurutnya, sebagai pemimpin yang telah mengharumkan nama negara, jasa Tun Mahathir dan isterinya wajar dihargai.

Beliau turut mempersoalkan adakah kehadiran Tun Mahathir itu dianggap segelintir pihak mencemarkan majlis.

“Mengapa harus ada unsur dendam peribadi dalam urusan rasmi seperti ini,” soalnya.